

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : BANTUAN UNTUK GOLONGAN B40 DAN M40**

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan definisi B40 dan M40 untuk Negeri Selangor?
- b) Apakah rancangan kerajaan untuk program membantu golongan B40 dan M40?

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Yang Berhormat Rawang, Kerajaan Negeri amat prihatin kepada rakyat Negeri Selangor yang berada dalam golongan B40 dan golongan M40 dengan mewujudkan program-program yang memberi fokus untuk meningkatkan taraf pendapatan dan kehidupan mereka. Di antara program pada masa kini yang dilaksanakan untuk membantu rakyat Negeri Selangor ialah Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR). Program IPR merupakan program jangka panjang yang bersifat holistik dan tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan semata-mata, tetapi memberi daya melalui pemeraksanaan kepada penerima manfaat yang terdiri daripada pelbagai golongan termasuklah B40 dan M40.

Berikut adalah program-program IPR yang disasarkan kepada golongan B40 dan M40 bagi membantu menaikkan taraf pendapatan dan kehidupan mereka:

<b>BIL.</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>KELAYAKAN PEMOHON (B40 / M40)</b>
1	Kasih Ibu Smart Selangor (KISS)	B40
2	Skim Air Darul Ehsan	B40

<b>BIL.</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>KELAYAKAN PEMOHON (B40 / M40)</b>
3	Bantuan Kebajikan Masyarakat (Bantuan Am)	B40
4	Bantuan Bina dan Baiki Rumah	B40
5	Program Jom <i>Shopping</i>	B40
6	Skim Peduli Sihat	B40
7	Bantuan Sihat Selangor	B40
8	Skim Bantuan Asuhan Anakku Pintar (Asuh Pintar)	B40 / M40
9	Program Tuisyen Rakyat Selangor	B40
10	Hadiah Pengajian IPT	B40 / M40
11	Dana Usahawan Mikro Selangor	B40
12	Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan	B40
13	Skim Rumah Selangorku	M40 / Umum (kelayakan tidak melebihi RM10,000/isi rumah)
14	Skim Smart Sewa	B40 / Umum (kelayakan tidak melebihi RM5,000/isi rumah)

Selain daripada program IPR, terdapat pelbagai program sedia ada di bawah Kerajaan Negeri Selangor yang dapat membantu menjana pendapatan rakyat sama ada dalam **sektor usahawan, pertanian dan juga pendidikan** yang boleh dimohon oleh golongan B40 dan M40. Program-program penjana pendapatan rakyat ini ditawarkan kepada mereka yang berkelayakan dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan.

Kerajaan negeri akan terus melakukan penambahbaikan terhadap program sedia ada dan merangka program-program baharu yang bersesuaian dan menepati keperluan semua lapisan masyarakat di Selangor, sesuai dengan gagasan Maju Bersama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : KEMUDAHAN RIADHAH UNTUK WARGA EMAS DI SELANGOR**

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dengan populasi warga emas yang semakin meningkat di Malaysia, adakah Kerajaan Negeri menggalakkan Kerajaan Tempatan menyediakan kemudahan riadah percuma (e.g. Dewan Komuniti, Gelanggang Bola Keranjang) khas untuk warga emas?
  
- b) Sekiranya ya, apakah bukti komitmen Kerajaan Negeri ? (e.g. surat pekeliling)

**JAWAPAN:**

Soalan a & b dijawab bersekali.

Pada masa kini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sememangnya menyediakan kemudahan riadah secara percuma atau dengan bayaran minimum kepada semua golongan masyarakat. Namun begitu, sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, YAB Dato' Menteri Besar di dalam ucapannya semasa pembentangan belanjawan 2019 telah pun menyatakan bahawa pemaju harus menyediakan ruang sekitar 1,200 kaki persegi sebagai pusat komuniti warga emas. Susulan daripada ucapan tersebut, pihak UPEN telah mengadakan bengkel bersama agensi-agensi yang berkaitan dan perkara ini juga telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil.3/2019. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang ke 26/2019 yang bersidang pada 11 September 2019 telah menimbang dan bersetuju supaya cadangan penyediaan ruang sekitar 1,200 kaki persegi sebagai pusat komuniti warga emas oleh pemaju dalam projek pembangunan diteliti oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor di dalam Manual Garis Panduan & Piawaian Perancangan Negeri Selangor Edisi Ketiga.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : RUMAH SELANGORKU**

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah projek Rumah Selangorku yang diluluskan pada 2019 mengikut pecahan daerah?
- b) Berapa unitkah yang telah siap dibina mengikut pecahan jenis pada 2019?
- c) Berapakah jumlah pemohon yang masih belum berjaya mengikut pecahan jenis dan permohonan?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 12 projek (**11,690 unit**) Rumah Selangorku yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerjaan Negeri (MMKN) pada tahun 2019. Perincian projek yang tersebut mengikut daerah adalah seperti berikut: -

DAERAH	BIL. PROJEK	JENIS RUMAH SELANGORKU					JUMLAH UNIT RUMAH
		A	B	C	D	E	
Gombak	3	544	540	2,592	30	0	3,706
Hulu Langat	2	-	42	519	-	-	561
Klang	2	1,270	1,277	1,274	1,276	-	5,097
Kuala Selangor	1	-	148	50	196	-	394
Petaling	2	69	68	68	46	-	251
Sepang	2	396	363	426	496	-	1,681
<b>JUMLAH</b>	<b>12</b>	<b>2,279</b>	<b>2,438</b>	<b>4,929</b>	<b>2,044</b>	<b>-</b>	<b>11,690</b>

- b) Bilangan unit Rumah Selangorku yang telah disiapkan pada tahun 2019 adalah sebanyak 4,302 unit. Perincian mengikut jenis adalah seperti berikut:-

No	Nama Pemaju	Jenis Rumah Selangorku					Jumlah Unit
		A	B	C	D	E	
1	Bandar Setia Alam Sdn. Bhd. (SP Setia Berhad) DE BAYU			723			723
2	Glomac Land Sdn. Bhd. & Magic Season Sdn. Bhd. (Saujana Aman)			315			315
3	Hap Seng Land Dev. (Puchong) Sdn. Bhd.			472			472
4	Hillcrest Gardens Sdn. Bhd.		464	464	234		1,162
5	Bandar Setia Alam Sdn. Bhd. (SP Setia Berhad) DE BAYU			723			723
6	Jade Homes Sdn. Bhd. (Gamuda Land Berhad)	142	72	72	428		714
7	KL-Kepong Country Homes Sdn. Bhd.				274		274
8	Seri Nova Development Sdn Bhd.				24		24
9	Sime Darby Property (Klang) Sdn. Bhd.			128	490		618
	<b>Jumlah</b>	<b>142</b>	<b>536</b>	<b>2,174</b>	<b>1,450</b>		<b>4,302</b>

- c) Jumlah keseluruhan permohonan Rumah Selangorku sehingga 15 September 2019 adalah **192,564 pemohon**. Manakala jumlah pemohon yang masih aktif dalam Sistem Pendaftaran Rumah Selangorku (SPPR) bagi pemohon yang belum berjaya ditawarkan mengikut pecahan jenis Rumah Selangorku adalah seperti berikut :

PERKARA	PERMOHONAN BELUM BERJAYA DITAWARKAN (SENARAI MENUNGGU YANG AKTIF)			
	A	B	C	D
<b>SELANGOR</b>	13,661	11,444	14,930	16,747
<b>KESELURUHAN</b>	<b>56,782</b>			

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LIM YI WEI  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) SMART SELANGOR DALAM  
PEMBASMIAN JENAYAH**

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status projek rintis Sistem Pengurusan Analisis Video Keselamatan dan Pengawasan di sekitar kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya di bawah Smart Selangor Delivery Unit?
- b) Berapa CCTV di daerah Petaling Jaya yang masih analog berbanding dengan digital?

**JAWAPAN:**

- a) Di Petaling Jaya terdapat sebanyak 60 unit CCTV analog di bawah seliaan SUK Selangor, manakala bagi CCTV digital pula terdapat sebanyak 120 unit di bawah seliaan MBPJ.
- b) Tiada CCTV analog dibawah selian MBPJ, tetapi terdapat 60 unit CCTV analog dibawah selian SUK Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM  
(N17 GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN KEDIAMAN OLEH PKNS**

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan untuk menangani isu harga jualan kediaman yang tinggi oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) sekaligus mengurangkan jumlah kediaman tidak terjual pada masa hadapan?

**JAWAPAN:**

- a) Antara usaha PKNS bagi menangani harga jualan kediaman yang tinggi adalah melalui tawaran diskaun sehingga 20% bagi projek kediaman. Tawaran ini dibuka sehingga 31 Disember 2019 bagi menggalakkan pemilikan hartanah PKNS dengan harga yang berpatutan. PKNS juga terlibat dengan skim *Rent to Buy* dengan menyediakan unit-unit yang boleh disewa dalam tempoh tertentu dan dijadikan sebahagian dari bayaran deposit pembelian rumah tersebut. Bagi menyebarkan pasaran hartanah, PKNS turut melantik Agen Hartanah yang fokus kepada segmen hartanah bernilai tinggi dengan sasaran bakal pembeli yang tertentu.

PKNS di masa datang akan lebih fokus membina projek kediaman kepada golongan B40 dan M40 dan hanya menetapkan peratusan yang paling minima untuk segmen kos harga tinggi untuk memenuhi permintaan pasaran di dalam segmen tersebut.

PKNS berpandangan, sokongan dari pihak Kerajaan Negeri Selangor amat perlu khususnya untuk mengurangkan bayaran premium tanah supaya kos keseluruhan pembangunan dapat dikurangkan dan impak kepada harga rumah akan menyebabkan lebih rendah. Polisi untuk membenarkan pemilikan hartanah bermula dengan harga RM1 juta juga perlu dipertimbangkan bagi membolehkan pasaran lebih terbuka kepada warga negara asing. Pembentangan bajet 2020 berkenaan penjualan rumah pangsapuri berharga RM 600 ribu kepada warga asing juga dicadang diperluaskan diperingkat Negeri.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : MASALAH RUMAH RETAK DISEBABKAN OLEH PROJEK JKR**

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pembinaan Balai Bomba BTHO telah menyebabkan 2 rumah mengalami masalah retak pada tahun 2016. Tiada apa-apa tindakan diambil atas kontraktor walaupun kontraktor tidak mematuhi arahan JKR iaitu membaiki dua rumah tersebut. Apakah tindakan akan diambil terhadap JKR dan kontraktor?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak JKR ambil maklum dengan isu yang dibangkitkan.

Untuk makluman, berdasarkan klausa 14 syarat-syarat kontrak JKR 203A (Pind. 1/2010) antara lain memperuntukan bahawa kontraktor hendaklah bertanggungjawab dan menanggung rugi Kerajaan terhadap apa-apa kemalangan, kecederaan diri, kemataian, kerugian atau kerosakan harta termasuklah harta pihak ketiga. Manakala Klausa 14 (b) syarat-syarat kontrak ini juga menyebut bahawa tanggung rugi oleh kontraktor kepada Kerajaan hanya boleh dikenakan apabila kemungkiran atau kecuaiian berpunca daripada Kontraktor, subkontraktor atau para pekerja bagi perkara yang berkaitan dengan tanggungjawab Kontraktor sahaja. Oleh yang demikian, sekiranya jelas keretakan di 2 unit rumah tersebut dapat dibuktikan adalah berpunca daripada perlakuan pihak Kontraktor dalam menjalankan kerjanya, maka kontraktor perlulah bertanggungjawab sepenuhnya untuk membaiki keretakan tersebut.

Sehubungan dengan itu pihak JKR melalui surat kepada pejabat YB Dun Balakong pada 12 Jun 2019 telah memohon pengemukaan bukti-bukti keretakan berpunca daripada perlakuan pihak kontraktor supaya tindakan lanjut dapat diambil terhadap kontraktor. Walaubagaimanapun sehingga kini pihak JKR tidak menerima sebarang maklumbalas.

Pembuktian ini adalah perlu sebagai asas kepada perundangan bagi menjaga kepentingan kerajaan daripada tindakan oleh pihak kontraktor seperti CIPPA, Arbitration dan lain-lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI  
(N40 KOTA ANGERIK)**

**TAJUK : CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) OLEH MENTERI BESAR  
INCORPORATED (MBI) DAN ANAK-ANAK SYARIKAT**

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah keseluruhan pembiayaan program-program CSR oleh MBI bagi tahun 2018 dan 2019?
  
- b) Apakah kriteria utama dan syarat-syarat kelayakan program-program yang menerima pembiayaan dana CSR dari MBI?

**JAWAPAN:**

- a) Sumbangan CSR dibawah bidang kuasa pengurusan MBI yang telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah MBI adalah sebanyak RM6 juta bagi tahun 2018, dan RM8 juta bagi tahun 2019.
  
- b) Semua permohonan akan diteliti dan haruslah selaras dengan skop yang telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah MBI.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : TINDAKAN KERAJAAN TERHADAP SEKOLAH TAHFIZ TIDAK BERDAFTAR**

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah sekolah tahfiz yang masih belum berdaftar dengan JAIS dan berapakah yang telah diambil tindakan seperti yang dititahkan DYMM Sultan Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Sekolah tahfiz swasta yang masih belum berdaftar sehingga September 2019 (sumber: [simpeni.islam.gov.my](http://simpeni.islam.gov.my)) adalah 9 buah sekolah. Sepanjang tahun 2019 bilangan sekolah yang telah diambil tindakan adalah seperti berikut:
- i. Dihentikan dari beroperasi:
    - a. 1 buah sekolah diarahkan henti operasi dan telah pun ditutup.
    - b. 7 buah sekolah telah memberhentikan operasinya atas nasihat jabatan.
  - ii. Tidak beroperasi
    - a. 5 buah sekolah didapati tidak lagi beroperasi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : AGRO TOURIST DI KAMPUNG BUKIT CHERAKAH JAYA**

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk menjadikan Kampung Bukit Cherakah Jaya sebagai kampung Agro-tourist?

**JAWAPAN:**

- a) Buat masa ini Kerajaan Negeri tidak ada sebarang perancangan khusus untuk menjadikan Kampung Bukit Cherakah Jaya sebagai kampung Agro-tourist ataupun Inap Desa (Homestay).

Walaupun bagaimanapun, pihak Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor menyambut baik cadangan perancangan ini untuk membantu semua produk pelancongan yang bersedia dan berpotensi untuk dibangunkan dan dipromosikan samada di dalam dan juga luar Negara. Terdapat beberapa insentif yang berkaitan yang boleh dirujuk oleh mereka yang berminat khususnya penduduk di Kampung Bukit Cherakah Jaya, dalam bidang agro-pelancongan atau Homestay di Negeri Selangor seperti melalui usahasama daripada Jabatan Pertanian dan Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia untuk membangunkan homestay (Inap Desa).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : PROJEK TEBATAN BANJIR**

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini projek tebatan banjir di seluruh Daerah Sepang?

**JAWAPAN:**

a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan sedang melaksanakan 7 projek tebatan banjir di seluruh Daerah Sepang. Projek ini dilaksanakan bagi mengatasi masalah banjir yang sering berlaku di sekitar Sungai Semarang, Sungai Labu, Sungai Chinchang, Sungai Jijan, Sungai Semenyih, Sungai Jenderam dan Sungai Sepang Kecil. Prestasi kemajuan projek-projek adalah seperti berikut.

<b>Bil</b>	<b>Nama Projek</b>	<b>Kos (RM)</b>	<b>Tarikh Siap</b>	<b>Status Kemajuan (%)</b>
1	Kerja-Kerja Tebatan Banjir Kampung Ampar Tenang Dan Sg. Semarang, Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan	8,479,550.31	16.12.2019	96 (J) / 97(S)
2	Projek Membina Kolam Takungan Banjir Dan Kerja-Kerja Yang Berkaitan Di Taman Permata, Mukim Dengkil, Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan	5,520,957.00	21.12.2019	94 (J) / 95 (S)
3	Projek Tebatan Banjir Di Sungai Labu, Mukim Labu, Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan	17,754,000.00	04.02.2021	16 (J) / 14 (S)
4	Projek Tebatan Banjir Di Sungai Jijan, Mukim Labu, Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan	3,241,980.00	01.12.2019	69 (J) / 66 (S)
5	Projek Tebatan Banjir Di Sungai	2,324,600.00	25.01.2020	67 (J) / 60

	Jenderam, Mukim Dengkel, Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan			(S)
6	Projek Tebatan Banjir Di Sg Sepang Kecil Daerah Sepang	7,404,147.00	07.05.2020	46 (J) / 36 (S)
7	Projek Tebatan Banjir Di Sungai Chinchang, Mukim Labu, Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan.	5,120,000.00	15.06.2020	60 (J) / 42 (S)

### **MAKLUMAT TAMBAHAN**

#### **1. KERJA-KERJA TEBATAN BANJIR KAMPUNG AMPAR TENANG DAN SG. SEMARANG, DAERAH SEPANG, SELANGOR DARUL EHSAN.**

- KONTRAKTOR : JASANTARA SDN BHD
- KOS KONTRAK : RM 8,479,550.31
- KEMAJUAN : 96% (Jadual) / 97% (Sebenar)
- KEHADAPAN : (1%)
- TM: 16.08.2017 TS: 14.08.2019 EOT1: 16.12.2019

#### **2. PROJEK MEMBINA KOLAM TAKUNGAN BANJIR DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI TAMAN PERMATA, MUKIM DENGKIL, DAERAH SEPANG, SELANGOR DARUL EHSAN.**

- KONTRAKTOR : NETT ACCESS SOLUTION & ENGINEERING SDN BHD
- KOS KONTRAK : RM 5,520,957.00
- KEMAJUAN : 94% (Jadual) / 95% (Sebenar)
- KEHADAPAN : (+1%)
- TM: 27.03.2017 TS: 25.06.2018
- EOT No 1: 20.03.2019
- EOT No. 2: 22.08.2019
- EOT No. 3 : 21.12.2019

#### **3. PROJEK TEBATAN BANJIR DI SUNGAI LABU, MUKIM LABU, DAERAH SEPANG, SELANGOR DARUL EHSAN.**

- KONTRAKTOR : WAAQIL SDN BHD
- KOS KONTRAK : RM 17,754,000.00
- KEMAJUAN : 16% (Jadual) / 14% (Sebenar)
- KELEWATAN: (-2%)
- TM: 12.10.2018 TS: 04.02.2021

**4. PROJEK TEBATAN BANJIR DI SUNGAI JIJAN, MUKIM LABU, DAERAH SEPANG, SELANGOR DARUL EHSAN**

- KONTRAKTOR : DARUL MEWAH (M) SDN BHD
- KOS KONTRAK : RM 3,241,980.00
- KEMAJUAN : 69% (Jadual) /66% (Sebenar)
- KELEWATAN: (-4%)
- TM: 01.11.2018 TS: 31.7.2019 EOT1: 01.12.2019

**5. PROJEK TEBATAN BANJIR DI SUNGAI JENDERAM, MUKIM DENGKEL, DAERAH SEPANG, SELANGOR DARUL EHSAN.**

- KONTRAKTOR : PARAS ENTERPRISE
- KOS KONTRAK : RM 2,324,600.00
- KEMAJUAN : 67% (Jadual) / 60% (Sebenar)
- KELEWATAN : (-7%)
- TM: 31.10.2018 TS: 29.10.2019 EOT1: 25.01.2020

**6. PROJEK TEBATAN BANJIR DI SG SEPANG KECIL DAERAH SEPANG**

- KONTRAKTOR : KENALI DEDIKASI SDN BHD
- KOS KONTRAK : RM7,404,147.00
- KEMAJUAN : 46% (Jadual) / 36% (Sebenar)
- KELEWATAN : (-10%)
- TM: 09/11/2018 TS: 07/05/2020

**7. PROJEK TEBATAN BANJIR DI SUNGAI CHINCHANG, MUKIM LABU, DAERAH SEPANG, SELANGOR DARUL EHSAN.**

- KONTRAKTOR : IZINRIA SDN BHD
- KOS KONTRAK : RM5,120,000.00
- KEMAJUAN : 60% (Jadual) /42% (Sebenar)
- KELEWATAN : (-18%)
- TM: 18/12/2018 TS: 15/06/2020

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : PENCEMARAN SUNGAI DI SELANGOR**

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kes pencemaran sungai pada tahun 2015-2019?
- b) Dimanakah kawasan dan lokasi yang kerap berlaku pencemaran sungai serta apakah punca pencemaran tersebut?
- c) Apakah tindakan dan usaha Kerajaan dalam memastikan pencemaran sungai ini dikawal?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah kes pencemaran sungai pada tahun 2015-2019 berdasarkan Kes Kecemasan Pencemaran Sumber Air adalah seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN KES
2015	19
2016	19
2017	38
2018	69
2019 (sehingga Oktober)	56

- b) Berdasarkan indeks kualiti air, secara keseluruhannya, kualiti air di lembangan-lembangan sungai utama masih berada di dalam keadaan baik iaitu pada Kelas II dan III. Berikut adalah status kualiti air sungai-sungai utama di Selangor berdasarkan pemantauan kualiti air di Loji Pembersihan Air (LPA) oleh Air Selangor Sdn Bhd sehingga Julai 2019 :



<b>NAMA SUNGAI</b>	<b>NAMA LPA</b>	<b>INDEKS KUALITI AIR (IKA)</b>	<b>KELAS</b>
Sungai Selangor	Rasa	90.9	II
	Rantau Panjang	79.0	II
	SSP1	75.2	III
	SSP2	82.2	II
	SSP3	80.8	II
Sungai Bernam	Bernam River Headworks (BRH)	86.9	II
	Sungai Selisek	88.0	II
Sungai Langat	Sungai Langat	85.7	II
	Cheras Batu 11	75.0	III
	Bukit Tampoi	68.4	III
Sungai Semenyih	Sungai Semenyih	74.6	III

Berdasarkan bacaan IKA di LPA-LPA ini, berikut adalah purata kelas sungai-sungai utama :

- i. Sungai Selangor : 81.6 (Kelas II)
- ii. Sungai Bernam : 87.5 (Kelas II)
- iii. Sungai Langat : 76.4 (Kelas III)
- iv. Sungai Semenyih : 74.6 (Kelas III)

# Status kualiti air sungai juga boleh dirujuk berdasarkan bacaan IKA di bawah Program Pemantauan oleh Jabatan Alam Sekitar Selangor.

# Rujukan Kelas Sungai adalah seperti di LAMPIRAN.

- c) Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri bagi memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan. Pelbagai usaha telah diambil untuk mengimbangkan pembangunan yang pesat dan penjagaan sumber air.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah mewartakan semua 7 empangan di Negeri Selangor di bawah Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999. Selain itu, sejumlah 413 (40%) daripada jumlah keseluruhan 1026 batang sungai kini turut telah melalui proses pewartaan di bawah peruntukan yang sama. Tujuan pewartaan ini adalah untuk melindungi sungai dan rizab sungai daripada gangguan kepada kuantiti, kualiti dan persekitarannya.

Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui LUAS dan Pengurusan Air Selangor juga telah membangunkan beberapa stesen telemetri kualiti air di hulu dari muka sauk sebagai sistem amaran awal / *early warning system* kepada muka sauk bekalan air jika berlakunya pencemaran di hulu.

Kerajaan Negeri melalui LUAS telah menubuhkan Jawatankuasa Pemuliharaan Sungai-sungai Negeri Selangor yang dipengerusikan YB. EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam bagi mempergiatkan usaha dan menggalakkan penglibatan agensi, komuniti, NGO dan pihak berkepentingan dalam aktiviti pemuliharaan sungai-sungai di Negeri Selangor.

Pemantauan berkala dilaksanakan oleh Lembaga bersama agensi berkaitan bagi memastikan sumber air dan kawasan tadahannya terpelihara daripada aspek kualiti dan kuantitinya.

Penguatkuasaan bersepadu dan tindakan perundangan tegas turut sentiasa dilaksanakan antaranya siasatan, notis dan pengeluaran kompaun termasuk pendakwaan di mahkamah.

**Maklumat tambahan:**

Selain itu, kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan berterusan dijalankan bagi isu-isu pencemaran lain melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan iaitu:

- i. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai, yang dipengerusikan oleh YB EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam;
- ii. Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Lembangan Sungai Langat dan Lembangan Sungai Selangor, yang dipengerusikan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS); dan
- iii. Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor, yang dipengerusikan oleh EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

**KELAS SUNGAI**

<b>KELAS</b>	<b>IKA</b>	<b>KLASIFIKASI / KEGUNAAN AIR</b>
I	> 92.7	Sangat Baik. Sumber Air I : Tidak memerlukan sebarang rawatan. Perikanan I : Untuk spesies akuatik yang sangat sensitif.
II	76.5 - 92.7	Baik. Sumber Air II : Air memerlukan rawatan konvensional. Perikanan II : Untuk spesies akuatik yang sensitif.
III	51.9 - 76.5	Sederhana. Sumber Air III : Air memerlukan rawatan intensif. Perikanan III : Umum, aktiviti nilai ekonomi, penternakan haiwan.
IV	31.0 - 51.9	Tercemar. Sesuai untuk pengairan.
V	<31.0	Sangat Tercemar. Air tidak sesuai untuk sebarang aktiviti di atas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : SKIM SMART SEWA SELANGOR**

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status program Skim Smart Sewa Selangor dengan peruntukan sebanyak RM50 juta pada tahun ini?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, status program Skim Smart Sewa Selangor dengan peruntukan sebanyak RM50 juta pada tahun 2019 adalah melibatkan pembelian sebanyak 297 unit seperti berikut :

<b>BIL</b>	<b>NAMA PROJEK / PEMAJU</b>	<b>LOKASI</b>	<b>JENIS</b>	<b>BIL. UNIT</b>	<b>STATUS TERKINI</b>
1.	Pangsapuri Simfoni <b>Pemaju:</b> <b>Eco Majestic S/B</b>	Beranang	Jenis B (Pangsapuri)	13	Serahan kunci telah dibuat kepada LPHS
2.	Pangsapuri Alpinia <b>Pemaju:</b> <b>Hap Seng Land Dev. (Puchong) S/B</b>	Dengkil	Jenis C1 (Pangsapuri)	50	
3.	Antara Gapi <b>Pemaju: PKNS</b>	Serendah	Jenis D (Rumah Teres 2T)	4	
4.	Kota Puteri <b>Pemaju: PKNS</b>	Rawang	Jenis C (Rumah Bandar)	20	Dalam proses serahan kunci kepada LPHS
5.	Bukit Rahman Putra <b>Pemaju:</b> <b>Sabna Dev. S/B</b>	Sg. Buloh	Jenis A (Pangsapuri)	180	Pemaju dalam memperoleh Sijil Layak Menduduki Penuh

BIL	NAMA PROJEK / PEMAJU	LOKASI	JENIS	BIL. UNIT	STATUS TERKINI
6.	Pangsapuri Harmoni, Putra Heights <b><i>Pemaju: Sime Darby Putra Heights S/B</i></b>	Putra Heights	Jenis C (Pangsapuri)	30	Telah selesai perjanjian dan dalam pembinaan 70% siap
<b>JUMLAH</b>				<b>297</b>	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN SUKAN NEGERI SELANGOR**


113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa bilangan atlet yang berjaya masuk dalam program pembangunan sukan Negeri Selangor dan berapa kos yang dibelanjakan oleh Kerajaan?
- b) Apa jenis sukan yang diutamakan oleh Kerajaan dalam program ini?
- c) Berapa peratus adalah atlet wanita?

**JAWAPAN:**

- a) Program Pembangunan Sukan di Negeri Selangor bermula di peringkat daerah melalui Program Bakat. Program Bakat yang diwujudkan bagi mencungkil bakat-bakat sukan tertentu di peringkat daerah. Melalui program ini, atlet-atlet yang telah mencapai tahap pencapaian prestasi yang ditetapkan akan memalui ke Program Pelapis yang akan memberi tumpuan bagi melahirkan atlet prestasi tinggi.

Program Pelapis ini juga akan didedahkan kepada kejohanan yang lebih tinggi seperti kejohanan peringkat kebangsaan atau SUKMA. Apabila atlet itu telah mencapai satu prestasi yang lebih baik, mereka akan diletakkan di Program Elit SUKMA iaitu program yang lebih memfokuskan persediaan atlet untuk mewakili Negeri Selangor ke Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) yang merupakan kejohanan sukan berprestij di Negara Malaysia. Sukan Malaysia (SUKMA) adalah satu platform pemiihan untuk para atlet negeri bersaing untuk mendapatkan tempat ke program kebangsaan bagi mewakili negara.



Struktur Pembangunan Sukan di Negeri Selangor

Bagi tahun 2019, bilangan atlet di program pembangunan sukan Negeri Selangor adalah seramai 3876 atlet yang terdiri daripada 2708 atlet lelaki dan 1168 atlet wanita. Berikut adalah sukan-sukan yang dibangunkan yang berada dibawah pembangunan sukan Negeri Selangor seperti dilampiran (Bilangan Atlet Program Pembangunan Sukan 2019).

Jumlah kos yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan bagi pembangunan sukan di Negeri Selangor pada tahun 2019 adalah berjumlah RM 2.47 juta.

- b) Jenis sukan yang diutamakan oleh Kerajaan Negeri bagi program pembangunan sukan adalah sebanyak 16 jenis sukan teras yang disenaraikan oleh Majlis Sukan Negara Malaysia. Sukan-sukan tersebut adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Sukan</b>
1.	Akuatik (renang & terjun)
2.	Badminton
3.	Boling Padang
4.	Berbasikal
5.	Bola Sepak
6.	Gimnastik
7.	Hoki
8.	Olahraga
9.	Memamah
10.	Menembak
11.	Karate Do
12.	Pencak Silat
13.	Perahu Layar
14.	Tenpin Boling

15.	Skuash
16.	Wushu

Selain itu, Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Sukan Negeri Selangor masih memberi tumpuan pembangunan sukan-sukan yang lain selain sukan-sukan teras memandangkan ianya masih dipertandingkan di peringkat SUKMA sebagai sukan pilihan.

- c) Penglibatan atlet wanita adalah seramai 1163 orang daripada keseluruhan atlet dengan kadar keseluruhan berjumlah 30%.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM DI NEGERI  
SELANGOR**

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah sampah domestik pada tahun 2019 (sehingga bulan Jun) mengikut setiap pihak berkuasa tempatan?
- b) Berapakah jumlah sampah pukal (ton) dikutip oleh KDEB pada tahun 2019 (sehingga bulan Jun) mengikut setiap pihak berkuasa tempatan?

**JAWAPAN:**

- a) Secara dasarnya pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang berkualiti adalah memerlukan perbelanjaan yang besar dan sukar dikurangkan lebih-lebih lagi PBT Negeri Selangor telah menerima pertumbuhan bandar yang pesat, pertumbuhan kawasan perumahan yang tinggi, penambahan bilangan penduduk, penggunaan teknologi baru dalam pengurusan sampah dan peningkatan kos operasi sejajar dengan pertumbuhan ekonomi.

Walau bagaimanapun, usaha untuk mengurangkan kos pelupusan sampah boleh dicapai melalui pengurangan jumlah sampah yang dihasilkan dan dihantar ke tapak pelupusan sampah di mana secara tidak langsung ia boleh mengawal kos pelupusan sampah oleh PBT. Sehubungan dengan itu, kaedah terbaik dalam mengurangkan sampah adalah melalui program pengasingan sisa pepejal di peringkat punca dan menggiatkan program kesedaran kitar semula supaya program ini dapat dilaksanakan. Oleh itu, Kerajaan Negeri amat menggalakkan PBT supaya memperhebatkan lagi aktiviti-aktiviti yang berasaskan kitar semula antaranya seperti:-

- 1) Melaksanakan kempen kesedaran berkenaan pengasingan sisa dan memperkenalkan sistem pengasingan sisa isi rumah di peringkat komuniti penduduk;

- 2) Menjalankan aktiviti kitar semula dengan mengadakan program 3R (Reduce, Reuse and Recycle) di peringkat sekolah rendah, menengah dan peringkat dalaman PBT;
- 3) Program kitar semula pakaian terpakai;
- 4) Program kitar semula e-Waste;
- 5) Menyediakan kemudahan pusat kitar semula dan tong pengumpulan bahan kitar semula berpusat;
- 6) Memperkenalkan sistem kutipan bahan kitar semula secara terus dari rumah penduduk; dan
- 7) Program pengkomposan sisa yang dihasilkan dari sisa medan selera / premis makanan.

Selain itu, bagi pelan jangka panjang dalam pelupusan sampah di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu Worldwide Holdings Berhad (WHB) akan melaksanakan Integrated Solid Waste Management Centre (ISWMC). Justeru, sebuah Loji Waste to Energy (WTE) akan dibangunkan oleh WHB. Dengan adanya Teknologi ini, sisa pepejal yang dihasilkan di Negeri Selangor bukan hanya dilupuskan, tetapi juga akan menjadi sumber kepada tenaga elektrik, penghasilan baja, kutipan barangan kitar semula dan lain-lain yang dapat menambah nilai kepada aktiviti ekonomi Negeri Selangor.

- b) Bagi bulan Januari 2019 sehingga Jun 2019, KDEB Waste Management (KDEBWM) telah menguruskan kutipan sampah domestik di sepuluh (10) kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kecuali di Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS). Secara keseluruhannya KDEBWM telah melupuskan sejumlah 633,921.32 tan sampah domestik di tapak pelupusan sampah yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) merupakan PBT yang mencatatkan penjanaan jumlah sampah domestik tertinggi iaitu 117,545.23 tan dari bulan Januari hingga Jun 2019 manakala Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) merupakan PBT yang mencatatkan penjanaan sampah terendah iaitu sebanyak 12,249.70 tan untuk tempoh yang sama.

Data jumlah sampah domestik bagi semua PBT ini (kecuali Majlis Perbandaran Selayang) diperolehi dari sistem E-World yang dikendalikan oleh Worldwide Landfills Sdn. Bhd. Bagi Majlis Perbandaran Selayang (MPS), data jumlah sampah adalah dari KUB Berjaya Enviro Sdn. Bhd. yang mengendalikan Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Tagar. Pecahan terperinci jumlah sampah domestik mengikut PBT bagi bulan Januari 2019 hingga Jun 2019 adalah seperti berikut:

**Jumlah Sampah Domestik Mengikut PBT dari bulan Januari 2019 hingga Jun 2019**

BULAN	MPK (Tan)	MPAJ (Tan)	MPS (Tan)	MDKL (Tan)	MPKj (Tan)	MBPJ (Tan)	MPSp (Tan)	MDSB (Tan)	MPSJ (Tan)	MDKS (Tan)
JAN	17,314.33	11072.59	15,069.83	3,212.00	20,398.36	13,762.29	6,777.39	1,797.39	16,229.88	3,446.94
FEB	15,747.42	10,780.83	12,725.80	3,165.00	18,224.15	12,357.76	6,113.30	1,618.78	15,028.45	3,177.45
MAC	15,995.39	11,576.33	13,141.42	3,554.00	19,197.81	13,033.15	6,725.75	1,629.24	16,846.16	2,960.00
APR	15,985.73	11,992.74	13393.72	3,883.00	19,380.70	13,053.81	7,040.26	3,260.06	16,364.38	1,589.88
MEI	16,522.50	12,699.42	13,900.94	4,082.00	20,955.59	13,441.37	7,636.71	2,021.49	16,141.88	3,481.83
JUN	15,560.23	11,232.44	13,409.48	3,690.00	19,388.62	12,490.30	7,129.70	1,922.74	16,317.90	3,272.71
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>97,125.60</b>	<b>69,354.35</b>	<b>81,641.19</b>	<b>21,586.00</b>	<b>117,545.23</b>	<b>78,138.68</b>	<b>41,423.11</b>	<b>12,249.70</b>	<b>96,928.65</b>	<b>17,928.81</b>

Bagi tempoh dari bulan Januari 2019 hingga Jun 2019, jumlah sampah pukal yang telah dilupuskan ke tapak pelupusan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri adalah sebanyak 144,102.06 tan. Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) mencatatkan jumlah sampah pukal tertinggi iaitu sebanyak 42,080.47 tan manakala Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) mencatatkan jumlah sampah pukal terendah iaitu hanya sebanyak 841.82 tan untuk tempoh dari bulan Januari hingga Jun 2019. Data jumlah sampah pukal bagi semua PBT ini (kecuali Majlis Daerah Hulu Selangor ) diperolehi dari sistem E-World yang dikendalikan oleh Worldwide Landfills Sdn. Bhd. Bagi Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), sebahagian data jumlah sampah adalah dari MDHS yang mengendalikan sendiri Tapak Pelupusan di Sungai Sabai manakala sebahagian data lagi adalah dari KUB Berjaya Enviro Sdn. Bhd yang mengendalikan Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Tagar. Pecahan terperinci jumlah sampah pukal mengikut PBT bagi bulan Januari 2019 hingga Jun 2019 adalah seperti berikut:

**Jumlah Sampah Pukal Mengikut PBT dari bulan Januari 2019 hingga Jun 2019**

BULAN	MPK (Tan)	MPAJ (Tan)	MPS (Tan)	MDKL (Tan)	MPKj (Tan)	MBPJ (Tan)	MPSp (Tan)	MDHS (Tan)	MDSB (Tan)	MPSJ (Tan)	MDKS (Tan)
JAN	3,446.94	2818.19	3,902.49	447	7,950.65	2,364.80	682.1	1,073.43	92.31	4,255.33	MASIH DI BAWAH MDKS
FEB	3,075.33	2,587.75	3,625.60	347	7,032.15	2,212.31	610.27	848.88	180.58	2,132.00	
MAC	3,264.12	1,238.01	4,225.32	433	7,319.26	2,246.69	609.8	836.13	148.9	2,484.63	465.98
APR	3,294.25	3,148.52	4,095.47	498	7,352.40	2,323.19	741.08	1,050.79	164.97	3,862.35	436.52
MEI	3,220.29	2,935.19	3,902.35	419	6,548.00	2,096.70	597.74	720.94	131.66	4,245.55	354.65
JUN	2,978.19	2,592.11	3,460.92	372	5,878.01	2,368.41	563.71	577.92	123.4	2,262.43	391.08
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>19,279.12</b>	<b>15,319.77</b>	<b>23,212.15</b>	<b>2,516.00</b>	<b>42,080.47</b>	<b>11,515.40</b>	<b>3,804.70</b>	<b>5,108.09</b>	<b>841.82</b>	<b>19,242.29</b>	<b>1,182.25</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : TAMAN ALAM KUALA SELANGOR**

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam memulihara dan mempromosikan keindahan dan keaslian Taman Alam Kuala Selangor?
  
- b) Apakah usaha dan tindakan Kerajaan Negeri dalam memulihara hutan paya bakau yang menjadi habitat dan melengkapkan ekosistem pelbagai haiwan di sini?

**JAWAPAN:**

- a) Taman Alam Kuala Selangor adalah merupakan salah sebuah kawasan Hutan Paya Laut di Negeri Selangor. Kawasan ini berkeluasan lebih kurang 264.81 hektar (646.9 ekar).

Kawasan ini kaya dengan spesies flora yang menjadi habitat semulajadi kepada fauna. Pada bulan September hingga April setiap tahun, kawasan ini menjadi tempat persinggahan burung-burung hijrah terutamanya dari Negara Rusia dan Siberia. Kajian oleh Malaysia Nature Society (MNS) seperti yang dilaporkan dalam MNS Conservation Publication No. 16 (2016) telah menerangkan secara terperinci mengenai kepentingan Teluk Air Tawar sebagai Important Bird Area (IBA) untuk diwartakan sebagai kawasan perlindungan yang boleh memberi kesan baik kepada ekosistem seluruhnya, burung berhijrah dan penduduk tempatan khususnya.

Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor telah menjalankan aktiviti promosi bagi mempromosikan keindahan dan keaslian Taman Alam Kuala Selangor mengikut pecahan seperti berikut:-

- i) Hebahan melalui kempen promosi melalui platform media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter dan Youtube secara berterusan sepanjang Tahun.
- ii) Penerbitan Artikel pelancongan melalui hebahan pengiklanan media cetak, online, digital dan media elektronik.

- iii) Penganjuran program lawatan bersama Media dan Agensi pelancongan bagi mempromosikan kawasan tersebut dalam penjualan pakej dan liputan media ke peringkat global.
  - iv) Penerbitan risalah pelancongan mengemaskini informasi direktori pelancongan seperti Selangor Breakaway, The Best of Selangor dan Brosur Interaktif.
  - v) Hebahan melalui penganjuran program promosi dalam dan luar negara.
- b) Pihak Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) sedang dalam proses akhir pewartaan Taman Alam Kuala Selangor menjadi sebahagian Hutan Simpanan Kekal (HSK) di bawah Seksyen 9 Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 bagi menjamin pengekalan kawasan biodiversiti hutan yang amat penting ini. Hal ini juga adalah selaras dengan Keputusan MMKN No. 47/7/2018 yang telah disahkan oleh MMKN Ke 8/2018 pada 14 Mac 2018 yang lalu di mana Taman Alam Kuala Selangor ini diluluskan untuk diwartakan sebagai Hutan Simpan Melawati.

Selain daripada itu, ianya juga akan turut diwartakan di bawah Pengelasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) sebagai Hutan Lipur, Hutan Pelajaran dan Hutan Penyelidikan di bawah Seksyen 10 Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 selaras dengan potensi dan keunikannya yang dapat memberi peluang kepada para pelajar dan penyelidik untuk menjalankan aktiviti pembelajaran dan penyelidikan saintifik. Ianya juga turut dilihat dapat memberi pulangan ekonomi kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor sebagai “Pusat Edu-Eco Tourism” di Negeri Selangor.

Kawasan Taman Alam Kuala Selangor ini turut mendapat perhatian utama daripada DYMM Tuanku Sultan Selangor yang amat menyokong pewartaannya sebagai kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) sepertimana titah baginda semasa Program Tanam Pokok Negeri Selangor sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Tahun 2017 pada 25 Mac 2017 yang lalu. Program ini telah berjaya menanam sejumlah 7,000 anak pokok Bakau Kurap (*Rhizophora mucronata*) dengan penyertaan seramai 1,500 orang yang terdiri daripada pegawai-pegawai agensi kerajaan/swasta serta pelajar-pelajar sekolah/IPTA/IPTS termasuk juga penduduk-penduduk kampung di sekitar Taman Alam Kuala Selangor ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : LOJI RAWATAN AIR LABOHAN DAGANG**

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kapasiti penuh dan kapasiti semasa Loji Rawatan Air Labohan Dagang dan apakah kawasan perkhidmatan yang mana air daripada LRA ini akan dibekalkan?

**JAWAPAN:**

- a) Loji Rawatan Air Labohan Dagang Fasa Pertama dibina dengan kapasiti pengeluaran air terawat sebanyak 200 juta liter sehari.

Daripada jumlah 200 juta liter sehari ini, pengagihan air sebanyak 56 juta liter sehari dari LRA Labohan Dagang ini akan dilaksanakan terlebih dahulu menggunakan sistem agihan sedia ada ke kawasan Banting, Jugra, Sungai Buaya, Kelanang, Kanchong Darat, Kg Sg Lang dan Kg Sg Kelambu. Pengagihan ini akan dilaksanakan dalam masa terdekat apabila pihak UPEN menyerahkan LRA Labohan Dagang kepada Pengurusan Air Selangor.

Baki sebanyak 144 juta liter sehari tersebut pula akan diagihkan selepas pihak UPEN menyiapkan jajaran paip baru dari Kolam Jugra Baru ke paip utama sedia ada di Pekan Banting dan Sijangkang (Jln Klang Banting). Status semasa bagi kerja-kerja ini ialah dalam pelaksanaan kerja oleh UPEN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN  
(N02 SABAK)**

**TAJUK : KEMAJUAN PERLAKSANAAN ANJUNG UTARA**

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kemajuan pelaksanaan gugusan bagi anjung utara?
  
- b) *Sub-soalan telah di tolak*

**JAWAPAN:**

- a) Terdapat dua (2) kluster yang terlibat di bahagian utara Selangor iaitu Kluster Pertanian dan Kluster Eko-Pelancongan merangkumi daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor dan Hulu Selangor. Bagi Kluster Pertanian yang diselaraskan oleh Seksyen Sektor, UPEN, satu (1) Jawatankuasa Teknikal telah diwujudkan bagi membincangkan dengan lebih lanjut pelan tindakan yang akan dilaksanakan di daerah terlibat. Antara perancangan di gugusan tersebut adalah meningkatkan pengeluaran tanaman bagi makanan ternakan seperti bijian jagung serta meneroka tanaman baharu bagi makanan ternakan seperti sorghum HBG seluas 6 hektar di Sg. Panjang, Sabak Bernam bagi mengurangkan bilangan import makanan ternakan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga merancang untuk memperkenalkan projek tanaman roselle dan projek ladang kontrak di atas tanah seluas 100 ekar di Sg. Ayer Tawar Sabak Bernam bagi tujuan pasaran tempatan dan eksport. Di samping itu juga, Kerajaan Negeri dalam usaha untuk memperkenalkan penanaman Lemon Myrtle di Sg. Tenggi, Kuala Selangor oleh pihak swasta di atas tanah berkeluasan 120 ekar yang merupakan projek pertama seumpamanya di Malaysia dan terbesar yang pernah diberi kebenaran.

Bagi Kluster Eko-pelancongan di Hulu Selangor pula, Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT), UPEN selaku penyelaras kluster telah mewujudkan satu (1) jawatankuasa teknikal bertujuan untuk merangka dasar dan perancangan berkaitan eko-pelancongan di peringkat negeri. Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah melancarkan Program Pemurnian Pelancongan Selangor (P3S) yang bertujuan untuk meningkatkan tahap keselamatan dan perkhidmatan industri pelancongan negeri terutama produk-produk di dalam kluster eko pelancongan. Program yang telah dirasmikan pada 8 Julai 2019 bertempat di

Taman Tasik Millenium, Kuala Kubu Bharu ini mengandungi empat (4) Projek Perintis (Pilot Project) iaitu:

- i) Projek Perintis P3S Inap Dusun;
- ii) Projek Perintis P3S Sukan Lasak;
- iii) Projek Perintis P3S Jeti & Bot; dan
- iv) Projek Perintis P3S Aktiviti Penginapan Komersial di Bangunan Kediaman.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : SKIM PERTUKARAN PEGAWAI ANTARA PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan skim ini untuk pegawai peringkat atasan kerana ini dapat meningkatkan produktiviti dan juga menambah pengalaman mereka?

**JAWAPAN:**

- a) Pada masa ini, urusan perlantikan pengurusan atasan PBT iaitu Datuk Bandar, Yang Dipertua, Timbalan Datuk Bandar, Timbalan Yang Dipertua dan Setiausaha adalah berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) melalui kelulusan Pihak Berkuasa Negeri iaitu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008 (PP12/2008) – Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Peminjaman, Pertukaran Sementara dan Pertukaran Tetap. Peminjaman atau pertukaran sementara adalah merupakan salah satu daripada kaedah pelantikan pegawai sedang berkhidmat yang boleh digunakan oleh sesebuah agensi untuk mendapatkan perkhidmatan pegawai yang berpengalaman, berkemahiran, berwibawa dan bersesuaian dengan keperluan agensi berkenaan bagi mengisi jawatan terbuka atau tertutup.

Secara dasarnya, Kerajaan Negeri tidak menetapkan sebarang mekanisma atau jadual bagi melaksanakan pertukaran pengurusan atasan dari satu PBT ke PBT yang lain dan ia adalah tertakluk kepada keperluan semasa selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa. Bagi pegawai PBT selain pengurusan atasan pula, pergerakan atau pertukaran pegawai hanya dilaksanakan di dalam PBT masing-masing mengikut keperluan PBT tersebut.

Untuk makluman juga, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang meneliti dan mengkaji kebolehlaksanaan cadangan mewujudkan Suruhanjaya Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (SPPBT). Sekiranya penubuhan SPPBT ini dilaksanakan, pertukaran pegawai termasuk pengurusan atasan antara PBT dijangka boleh dilaksanakan sekali gus dapat memberi peluang kemajuan kerjaya kepada pegawai dan kakitangan PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : PELABURAN ASING**

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan program, usaha yang telah dilakukan bertujuan mempromosikan Negeri Selangor diluar negara dalam usaha menarik pelabur?
- b) Nyatakan jumlah kos yang digunakan oleh INVEST SELANGOR sepanjang usaha mencari pelabur sehingga September 2019?
- c) Nyatakan jumlah pelaburan asing yang berjaya dibawa masuk tahun 2019?

**JAWAPAN:**

- a) Antara program, usaha yang telah dilakukan bertujuan mempromosikan Negeri Selangor di luar negara dalam usaha menarik pelaburan bagi tahun 2019 adalah seperti berikut;-

Bil.	Program	Tarikh
1.	Misi Promosi Penggalakkan ke Hong Kong	20 – 22 Jan 2019
2.	Misi Promosi Pelaburan dan Lawatan Kerja Ke Pameran Gulfood Dubai	9 – 13 February 2019
3.	Misi Promosi Penggalakkan ke Taipei, Taiwan	24 – 29 Mac 2019
4.	Annual Investment Meeting 2019 (AIM) Di Dubai	7 – 10 April 2019
5.	Lawatan Kerja Teknikal ke Korea Selatan	28 April – 4 Mei 2019
6.	Pameran Antarabangsa ICT HKTDC (HKTDC International ICT Expo), Hong Kong	14 – 16 April 2019
7.	Korea Cosmetic Ingredient & Technology Exhibition, Kintex, Goyang-Si, Korea (The CI Korea 2019)	15 – 20 April 2019
8.	Misi Penggalakkan Pelaburan Ke Jepun (The World Food & Beverage Great Expo / Premium Food Show 2019), Tokyo, Jepun	15 – 20 April 2019

9.	Misi Penggalakan Pelaburan Dan Penglibatan Booth Selangor Pada Program Hofex, Hong Kong	6 – 10 Mei 2019
10.	Misi Promosi Selangor ASEAN Business Conference 2019 (SABC) di Jakarta Indonesia.	5 – 9 Mei 2019
11.	Misi Promosi Selangor International Business Summit 2019 ke Vietnam and Filipina	21 – 25 Mei 2019
12.	Lawatan ke Airbus dan Perasmian Smart Radome Workshop	10 Jun 2019
13.	Misi Promosi Selangor International Business Summit 2019 ke Jakarta	26 – 29 Jun 2019
14.	Misi Penggalakkan Pelaburan ke Perancis dan United Kingdom dan Penyertaan di International Paris Airshow 2019	15 – 28 Jun 2019
15.	Misi Penggalakan Pelaburan Ke Korea Sempena Halal Trade Expo Korea	27 Julai – 3 Ogos 2019
16.	Misi Promosi Penggalakan Pelaburan Ke China (Chongqing, Shenzhen & Qingdao)	24 Ogos – 6 Jun 2019

- b) Jumlah kos yang digunakan oleh Invest Selangor sepanjang usaha mencari pelabur sehingga September 2019 adalah sebanyak RM 12,007,917.27 yang mana kos ini merangkumi pelbagai program seperti misi penggalakkan pelaburan ke luar Negara, sesi dialog, libat urus (*engagement*), penganjuran dan penyertaan pameran dalam dan luar negara serta penerbitan bahan promosi.
- c) Bagi tempoh Januari hingga Jun 2019, jumlah modal pelaburan yang melibatkan pelabur asing dalam projek – projek perkilangan yang diluluskan di Selangor adalah sebanyak RM 3,815,659,559 (RM 3.82 bilion)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : IBU TUNGGAL**

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah ibu tunggal yang berjaya dibantu dengan memberi peluang pekerjaan atau perniagaan?
- b) Apakah kaedah yang digunapakai untuk memastikan setiap bantuan yang disalurkan sampai kepada ibu tunggal?
- c) Bagaimana cara Kerajaan Negeri mengenal pasti status ibu tunggal yang tidak mendaftar?

**JAWAPAN:**

- a) Jabatan Pembangunan Wanita telah melaksanakan Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-Kit) dan Inkubator Keusahawanan Wanita ( I- Keunita ) bermula dari tahun 2010- 2017.

Objektif Program I-Kit dan I-Keunita adalah seperti berikut :-

- i. Menyediakan latihan dalam bidang kemahiran yang boleh dikomersialkan ;
- ii. Membuka minda ibu tunggal kearah peningkatan keyakinan diri serta memberi motivasi untuk memajukan diri sendiri; dan
- iii. Meningkatkan potensi untuk berdikari secara ekonomi setelah memperolehi kemahiran, iaitu dengan menceburi bidang keusahawanan atau mendapat pekerjaan.

Antara kursus kemahiran diri dan program substantif yang telah dijalankan oleh jabatan Pembangunan Wanita adalah seperti di bawah :-

- Kursus Pastrri
- Jahitan Baju Kurung
- Kraftangan
- Kursus Spa
- Sulaman Manik dan Reben
- Personaliti dan Kecantikan
- Refleksologi

- Produk IKS
- Kursus Franchise
- Kursus Penyediaan Makanan
- Kursus Ice Blended

**Seramai 614 peserta dari Negeri Selangor** telah berjaya dilatih menerusi Program I-Kit dan I-Keunita bermula dari tahun 2010-2017.

Kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Selangor menyalurkan bantuan kebajikan kepada golongan sasaran yang berkeperluan dan berkelayakan. Salah satu kumpulan sasaran jabatan adalah keluarga miskin termasuk golongan ibu tunggal yang berkeperluan. Terdapat golongan ibu tunggal yang dikenalpasti bersifat produktif dan berpotensi meningkatkan sosio ekonomi keluarga yang perlu dibantu oleh jabatan dengan melaksanakan konsep *2 Years Exit Programme (2YEP)* melalui Skim Bantuan Persekutuan. Program tersebut mula dilaksanakan sejak tahun 2016 melibatkan penerima bantuan kebajikan JKM termasuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas dan keluarga miskin.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Jabatan ini telah menyuntik dana untuk modal permulaan iaitu Bantuan Geran Pelancaran bagi klien menjalankan perniagaan kecil-kecilan. Berdasarkan rekod, seramai 750 orang ibu tunggal yang menerima bantuan di JKM Negeri Selangor dengan melibatkan peruntukan bantuan bulanan (Skim Bantuan Persekutuan) sebanyak RM 218,600.00. Pihak jabatan telah mengenalpasti ibu tunggal yang berpotensi dan produktif dalam memajukan diri seramai 75 orang namun hanya seramai 24 orang sahaja yang berjaya meningkatkan sosio ekonomi keluarga melalui program 2YEP tersebut. Pencapaian bagi kategori ibu tunggal yang berjaya adalah sebanyak 32 peratus dalam tempoh 2016 sehingga 2018.

- b) Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor menyalurkan bantuan kebajikan secara bulanan kepada golongan sasaran melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah. Pihak jabatan menggunakan sistem e-bantuan JKM dan integrasi bersama sistem i-GFMAS untuk proses permohonan, laporan siasatan, kelulusan, janaan baucer, perakuan dan bayaran bantuan secara bulanan. Penerima bantuan menerima wang bantuan yang akan dikreditkan ke akaun bank melalui *Electronic Fund Transfer (EFT)*.

c) Antara faktor yang menyebabkan ibu tunggal tidak mendaftar adalah seperti berikut :-

- i. Tidak maklum tentang bantuan yang disediakan oleh kerajaan atau agensi yang berkaitan; dan
- ii. Ibu tunggal sendiri merasakan mereka masih boleh berdikari dan tidak memerlukan sebarang bentuk bantuan.

Data Ibu Tunggal juga senantiasa berubah kerana status perkahwinan terkini dan juga penghijrahan mereka ke tempat tinggal baru. Kerajaan Negeri Selangor boleh mempergiatkan kempen dan hebahan bagi memberitahu sebarang bentuk bantuan kewangan mahupun sokongan sosial yang boleh diperolehi untuk golongan ibu tunggal.

*(Sumber : Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Selangor)*